

UMS perkenal tiga pengajian

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) memperkenalkan tiga lagi bidang pengajian bermula sesi 1997/98 ini.

Naib Canselor Prof Detuk Dr Abu Hassan Othman berkata UMS kali ini memperkenalkan kajian psikologi dan kerja sosial, sains makanan dan pemakanan serta kajian perhutanan tropika antarabangsa yang masing-masing buat permulaan mengambil 45, 50 dan 20 pelajar.

"UMS juga ber-cadang menubuhkan kajian perubatan pada

masa depan," katanya selepas menghadiri majlis ikrar 700 pelajar baru universiti berkenaan di sini kelmarin.

Prof Dr Abu Hassan berkata Kementerian Pendidikan meluluskan penubuhan tiga kajian baru itu kerana ia selaras dengan perancangan keperluan tenaga kerja negara pada masa depan.

Beliau juga berkata semua pembangunan akademik dan infrastruktur UMS berjalan mengikut jadual dan ia tidak menghadapi halangan

besar untuk menadi sebuah institusi terkemuka di rantau ini satu masa kelak.

"Walaupun ada ke-risauan sesetengah pelajar mengenai kemampuan tenaga pengajar, saya hendak nyatakan di sini bahawa UMS tidak berkompromi dalam soal mutu dan peralatan, dan kini kita juga mendapatkan bantuan pengajar dari institusi-institusi pengajian tempatan selain menggunakan kaedah pembelajaran jauh yang canggih menerusi komputer," katanya.

Seramai 1,425 pe-

lajar sedang menuntut dalam tahun satu, dua dan tiga di UMS dalam kajian sains dan teknologi, kejuruteraan dan teknologi maklumat, perniagaan dan ekonomi, sains sosial, serta pendidikan dan pembangunan sosial.

Menurut Prof Dr Abu Hassan daripada 700 pelajar sesi ini, 35 peratus adalah dari Sabah, 11 peratus dari Sarawak dan 54 peratus dari Semenanjung.

Beliau juga berkata UMS giat mewujudkan kerjasama dengan institusi pen-

gajian tinggi luar seperti yang terbaru dengan Imperial College dalam pengajian biodiversiti dan dengan Universiti Birmingham di England dalam penubuhan bank gen.

Mengenai kembangan pembangunan kampus tetap UMS di Likas dekat sini, beliau berkata pembangunan tapak dijangka siap dua bulan lagi manakala fasa pertama bernilai RM546 juta siap hujung tahun depan dan akan dapat menampung 3,200 pelajar.

Katanya semua pelajar UMS dijangka berpindah ke kampus tetap pada tahun 1999, tetapi setakat ini mereka ditempatkan di beberapa kawasan termasuk di kampus sementara di Jalan Tuaran, dan di kawasan perumahan Taman Kingfisher dekat sini. — Bernama